

Kompilasi artikel oleh : Sarena Haidir

Menyusuri perjalanan tahun 2016, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah melakar pelbagai kisah kejayaan tersendiri sebagai sebuah universiti awam terkemuka di negara ini. Kejayaan demi kejayaan diperolehi sebagai ukuran dan siap siaga bagi menempuh cabaran yang mendatang pada tahun 2017. Untuk itu, adalah menjadi harapan dan satu penghargaan buat UNIMAS, selaku universiti kelapan di negara ini, untuk berkongsi kisah-kisah kejayaan kepada netizen setempat mahupun antarabangsa mengenai kejayaan para penyelidik dan pelajar, kerjasama dengan pihak industri dan kementerian kerajaan mahupun penganjuran majlis rasmi dan sebagainya. Berikut antara majlis-majlis dan aktiviti-aktiviti anjuran UNIMAS yang diimbis dan dikongsi bersama sepanjang tahun 2016.

JANUARI 2016



15 Januari 2016: Sesi penerangan mengenai Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) menjadi acara pembuka tahun 2016 di UNIMAS. Majlis penerangan dilakukan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, YB Dato' Sri Mustapha Mohamed.



21 Januari 2016: Program CSR bersama para pelajar Sekolah Kebangsaan Buntal telah dilakukan dan UNIMAS juga telah meletakkan satu papan tanda di Esplanade Buntal yang memaparkan perjuangan Allahyarham 19151 TPR Rasli bin Buang (S.P.), yang berasal dari Kampung Buntal.



27 Januari 2016: UNIMAS menjadi lokasi ke-9 untuk Forum Advokasi Ilmuwan bertajuk “Sudah Sejahterakah Rakyat Sarawak” anjuran Majlis Profesor Negara (MPN), Utusan Malaysia dan Radio Televisyen Malaysia (RTM). Forum ini membincangkan isu-isu semasa sekaligus mencari penyelesaian kepada isu yang dibincangkan tersebut.



31 Januari 2016: Mantan Timbalan Ketua Menteri, Datuk Patinggi Tan Sri Dr Alfred Jabu anak Numpang melancarkan perasmian UNIMAS Business School (UBS) di sebuah hotel terkemuka. Penubuhan UBS telah diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada 26 November 2015 dan UBS secara rasmi beroperasi pada 2 Januari 2016. Antara program ditawarkan di UBS iaitu program Ijazah Sarjana Korporat Pentadbiran Perniagaan dan Ijazah Sarjana Sains (Pembangunan Sumber Manusia).

FEBRUARI 2016 :



3 Februari 2016 : Empat fokus strategik dalam Pelan Strategik UNIMAS untuk tahun 2016-2020 diumumkan oleh Profesor Dato’ Dr Mohamad Kadim Suaidi pada Majlis Amanat Naib Canselor 2016 iaitu kecemerlangan dalam pendidikan dan latihan, kecemerlangan dalam ekosistem inovasi, kesohoran global dan portfolio kewangan lestari.



24 Februari 2016 : UNIMAS dan Yayasan Perubatan Kenyalang (KMF) telah menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) iaitu melibatkan perjanjian KMF untuk memperuntukkan geran sejumlah RM15,000 dalam jangka lima tahun bagi dana kecemerlangan pelajar dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UNIMAS.



24 Februari 2016 : Lapan orang pelajar antarabangsa prasiswazah dari Indonesia terpilih untuk mendapat hadiah biasiswa antarabangsa UNIMAS (HBAU) yang baharu diperkenalkan. Antara penerima ialah Muhamad Fikri, Nurussa'adah Yusfar, Faqih Kartika Kurniati, Tengku Aufar Azhari, Irfan Haris, Ilma Amalia dan Chairunnisa Salma Fitriani dan Handy Priyo Nurjiyanto (Fakulti Kejuruteraan).



26 Februari 2016: SMK Saratok 2 menjadi sekolah angkat pertama UNIMAS sejajar dengan usaha Universiti untuk terus relevan sebagai pusat kecemerlangan ilmu dan penyelidikan, bukan sahaja kepada warga kampus tetapi turut mencakupi kelestarian komuniti pelbagai dan terpisah.

MAC 2016 :



3 Mac 2016: Fakulti Kejuruteraan UNIMAS telah menjalinkan kerjasama menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) bersama CREAM-CIDB Malaysia yang membuka ruang kerjasama dalam pembangunan bidang kejuruteraan. MoU ber tujuan untuk penubuhan dan penempatan Pusat Kecemerlangan Penyelidikan Pembinaan atas Tanah Gambut (Centre of Research Excellence Construction on Peat Soil – COPS) CREAM-CIDB di Fakulti Kejuruteraan Universiti Malaysia Sarawak.



11 Mac 2016: Seramai 123 orang staf telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC), 151 orang staf lagi telah diberi Anugerah Perkhidmatan Setia (APS), 14 orang menerima sijil penghargaan selepas persaraan dan 73 orang menerima sijil pengiktirafan perkhidmatan 15 tahun dalam Majlis Anugerah Gemilang (MAGU).



12 Mac 2016: UNIMAS menjadi universiti awam pertama di Sarawak yang menubuhkan sebuah taska untuk jagaan anak-anak kakitangan universiti ini. Majlis perasmian taska yang terletak di kampus timur itu telah disempurnakan oleh Menteri Kebajikan, Wanita dan Pembangunan Keluarga Sarawak, YB Datuk Hajah Fatimah Abdullah.



12 Mac 2016: Seramai 400 orang peserta telah menyertai larian belon Persatuan Wanita UNIMAS (MASNITA). Objektif program adalah untuk mengeratkan hubungan antara ahli MASNITA, kakitangan wanita dan mahasiswa UNIMAS sekaligus meningkatkan visibiliti serta meningkatkan kesedaran kepada ahli MASNITA tentang kerja-kerja kebajikan dan kesukarelawan.



17 Mac 2016: Bahagian Keselamatan UNIMAS menerima 22 buah kenderaan berupa dua buah kereta jenis Proton Preve, lima buah motosikal jenis Kawasaki Ninja 250cc dan 15 buah motosikal Yamaha Lagenda 115cc. Majlis penyerahan kunci aset kenderaan baharu itu telah disempurnakan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS, Datu Dr Hatta Solhi bertempat di Padang Kawad, DeTAR PUTRA. Penubuhan Polis Bantuan UNIMAS telah diluluskan pada 18 Mei 2015 dan pelancaran majlis penyerahan sijil kelulusan Polis Bantuan UNIMAS telah disempurnakan pada 16 Jun 2015.



31 Mac 2016 : Penyampaian sijil penghargaan dan sesi bergambar atlit olahraga MAKSAM UNIMAS bersama Pendaftar UNIMAS, Tuan Haji Abu Bakar Ibrahim telah berjaya diadakan. Kontinjen UNIMAS berjaya memenangi naib juara dengan pungutan pingat sebanyak 10 emas, 12 perak dan 13 gangsa. Tiga orang atlit UNIMAS terpilih mewakili negeri Sarawak ke Kejohanan Olahraga MAKSAM Kebangsaan 2016 iaitu Kusairie Sajili, Roslie Remin dan Hardy Suntol.

APRIL 2016 :



20 April 2016: UNIMAS mementerai MoA bersama ‘ Eye Specialist Centre (ESC) sebagai tanda kerjasama universiti ini dengan pihak luar dalam meningkatkan perkhidmatan mata ((Oftalmologi) di negeri ini. Kerjasama ini akan melengkapkan perkhidmatan oftalmologi sedia ada di Sarawak dengan perkhidmatan tambahan yang dipertingkatkan di dalam penting sub-kepakaran glaukoma kompleks dan vitreo-retina perkhidmatan / pembedahan retina.



21 April 2016: Pelajar antarabangsa UNIMAS, Abdalla Hassan Gharib memenangi hadiah wang tunai sebanyak RM20,000, piala Perdana Menteri, piala dan hadiah iringan serta sijil selepas dinobatkan juara dalam kategori Pelajar Antarabangsa di Malaysia (Pam) di Pertandingan Pidato Antarabangsa Bahasa Melayu Piala Perdana Menteri (PABM 2016) edisi ke-10. Abdalla merupakan seorang pelajar PhD dari Fakulti Sains Komputer UNIMAS dari Zanzibar, Tanzania.



30 April 2016: Majlis pelancaran dan penyerahan Projek Mikro Hidro Semulong Ulu, Lingga, Sri Aman, Sarawak telah disempurnakan oleh Menteri Muda Kementerian Pertanian Sarawak merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri N31 Bukit Begunan, Datuk Mong Dagang. Tapak projek ini terletak di sebuah anak sungai Lingga dan dibina di pinggir air terjun Wong Bayan dan bertujuan untuk membina sambil membuat penyelidikan infrastruktur Mikro Hidro, penjaan dan pembekalan tenaga elektrik menggunakan kuasa hidro (air) ke Rumah Panjang Laroh.

MEI 2016 :



4 Mei 2016: Dua puluh enam ekor penyu spesis Penyu Hijau atau nama saintifik *Chelonia Mydas* telah dilepaskan di pantai Pandan Lundu dengan perasmian pelepasan penyu telah disempurnakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Sosial Sarawak, Encik Kameri Haji Affandi. Penyu-penyu yang dilepaskan merupakan projek penyelidikan Pelajar PhD Sains dan Pengurusan Sumber Akuatik, Fakulti Sains dan Teknologi Sumber UNIMAS, Nurhatini Kamalia bt Yahya sejak tahun 2014. Penyu-penyu berkenaan diambil dari Pulau Talang telah dilindungi dan dijaga sejak kecil sehingga membesar sebelum dilepaskan ke laut.



5 Mei 2016: UNIMAS dipilih sebagai tuan rumah untuk Mesyuarat Jawatankuasa Latihan Universiti-Universiti Malaysia (JALUMA) ke-31 Bil.2/2016 dan Makmal Latihan Berstruktur II yang diadakan selama tiga hari bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Rumah Universiti. Mesyuarat dipengerusikan oleh Pendaftar Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Encik Mohd Nor Shokri Abd Rahman dan dihadiri lebih kurang 30 orang perwakilan dari Universiti-Universiti Awam dan juga seorang wakil dari Akademi Kepimpinan Tinggi (AKEPT).



5 Mei 2016: Pasukan kayak UNIMAS mendapat tempat sepuluh terbaik dalam beberapa kategori yang dipertandingkan di Labuan International Sea Challenge 2016.



11 Mei 2016: Pameran Pendidikan dan Kerjaya Inovasi UNIMAS (SFCF UNIMAS-ICE) 2016 anjuran Talent Corporation Malaysia Berhad (TalentCorp) mendapat sambutan hebat apabila lebih 7000 pengunjung menghadiri pameran berkenaan.



12 Mei 2016: UNIMAS dipilih sebagai lokasi ketiga untuk jelajah syarahan Yayasan Jepun Kuala Lumpur yang dilakukan oleh penulis buku terbaik dan pakar ekonomi, Dr Oizumi Keichiro. Dr Oizumi Keichiro.



16 Mei 2016: Sebanyak 31 anugerah telah disampaikan pada Majlis Apresiasi Gemilang UNIMAS (MEGAH) sebagai mengiktiraf mahasiswa UNIMAS yang telah menunjukkan prestasi dan pencapaian yang cemerlang dalam bidang akademik mahupun ko-kurikulum. MEGAH juga merupakan program tahunan yang dianjurkan di bawah pentadbiran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UNIMAS.



17 Mei 2016: Pelajar program Doktor Sarjana Kesihatan Awam di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Dr Dhesi Baha Raja menerima anugerah ‘ Life Science of Pistoia Alliance European Conference 2016’ bertempat di King College, London. Pakar epidemiologi yang berasal dari Sabah ini bersama dengan rakan-rakan merupakan pencipta teknologi *Artificial Intelligence in Medical Epidemiology* atau AIME iaitu aplikasi indeks denggi yang boleh membantu meramal kawasan berisiko wabak denggi di sesuatu kawasan atau memberi amaran kepada wabak potensi 1-3 minggu lebih awal.



20 Mei 2016: UNIMAS menerima lawatan dari delegasi Bank Dunia dan mendengar ceramah khas dari Ketua ekonomi Wilayah Pasifik dan Asia Timur Bank Dunia, Dr Sudhir Shetty. Ceramah bertajuk ‘ Growing Challenges in East Asia and the Pacific Region’ itu berlangsung selama satu jam. Para delegasi dari Bank Dunia tersebut turut disertai oleh Ketua Ekonomi, Dr Julio E.Revilla, dan Ekonomi Kanan, Rafael Munoz Moreno.



24 Mei 2016 : Sebanyak 34 pingat emas telah disampaikan kepada para penyelidik sempena dengan ‘Innovation Technology Expo 2016’ (InTEX16) di DeTAR PUTRA, UNIMAS. Penyampaian InTEX16 kali ini dilakukan oleh Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah. InTEX16 merupakan salah satu inisiatif UNIMAS dalam memartabatkan hasil-hasil penyelidikan oleh para akademik ke persada industri R&D global.

JUN 2016



13 Jun 2016: Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) telah berlangsung di antara UNIMAS dengan Tehran University Medical Sciences (TUMS) menyaksikan lima biasiswa penuh (yuran dan penginapan) untuk calon UNIMAS yang meneruskan pengajian secara sepenuh masa di TUMS akan ditawarkan. Biasiswa tersebut merupakan untuk pengajian tahun pertama dan akan dilanjutkan pada tahun seterusnya secara tahunan, dengan GPA calon berkenaan adalah 80% ke atas. Turut ditawarkan di dalam MoU berkenaan adalah lima biasiswa separa untuk pelajar mobiliti satu tahun di bawah pengawasan bersama TUMS dan UNIMAS.



14 Jun 2016: Sebanyak 1,000 bungkus bubur lambuk telah diagihkan kepada warga UNIMAS anjuran Persatuan Pengurus UNIMAS (PPU) dengan kerjasama Bank Rakyat cawangan Kota Samarahan. Majlis pengagihan bubur lambuk itu disempurnakan oleh Naib Canselor, Prof Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi. Turut menyerah bubur lambuk ialah Pengurus Bank Rakyat Wilayah Sarawak, Encik Faishal Salleh, Timbalan-timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Pegawai-pegawai UNIMAS dan Bank Rakyat Kota Samarahan.



14 Jun 2016: Pusat Islam Tun Abang Salahuddin (PITAS) dengan kerjasama Pejabat Naib Canselor UNIMAS telah menganjurkan Majlis Iftar Jamaie UNIMAS dan solat berjemaah Maghrib, Isyak serta solat tarawih. Turut diadakan penyampaian sumbangan berupa wang ringgit dari MASNITA kepada 25 orang terdiri dari warga emas, OKU dan anak yatim dari Kampung Pinang Jawa, Kuching, 33 orang kanak-kanak dari Madrasah Darul Ulum dan 11 orang pelajar UNIMAS. Pihak PITAS turut menyampaikan sumbangan berupa barangan keperluan dapur kepada dua puluh buah

keluarga dari beberapa buah kampung seperti Kampung Muara Tuang, Kampung Sindang, Kampung Tanjung Tuang, Kampung Niup dan Kampung Melayu.



17 Jun 2016 : UNIMAS menjadi universiti pertama di rantau Borneo yang menjalinkan kerjasama dalam ‘Service learning programme’ dengan Universiti Cornell. . Kerjasama itu menyaksikan seramai lapan pelajar Universiti Cornell di hantar ke UNIMAS untuk mempelajari hal-hal berkaitan perkhidmatan dan permasalahan masyarakat dan sebagainya.

JULAI 2016



1 Julai 2016: Sebanyak lapan ratus bekas berisi bubur lambuk diagih-agihkan kepada warga UNIMAS, di hadapan bangunan Canselori anjuran Pejabat Pendaftar UNIMAS dan merupakan sumbangan dari Bank Rakyat dan Agrobank. Turut diadakan penyerahan barangan keperluan dipanggil ‘ Kasih Ramadhan’ kepada enam belas penerima dari keluarga kurang berkemampuan sekitar Kota Samarahan.



18 Julai 2016: UNIMAS telah menandatangani MoA bersama dengan Perbadanan Kemajuan Perusahaan Kayu Sarawak (PUSAKA) bagi penubuhan Kursi PUSAKA yang disaksikan bersama oleh Menteri Perancangan Sumber dan Alam Sekitar II merangkap Menteri Pembangunan Perindustrian dan Keusahawanan, Perdagangan dan Pelaburan Sarawak, Datuk Amar Haji Awang Tengah Ali Hassan.



19 Julai 2016: Lebih satu ribu orang mengunjungi rumah terbuka Ngabang Raya UNIMAS 2016 yang diadakan di DeTAR PUTRA, UNIMAS. Majlis Ngabang Raya UNIMAS 2016 merupakan acara universiti bagi meraikan gabungan dua perayaan iaitu sambutan Gawai Dayak dan Hari Raya Aidilfitri dngan bertemakan 'Lan Berjarah' yang berkonsepkan Bahagian-bahagian di Sarawak antaranya Miri, Limbang, Lawas, Kuching dan sebagainya. Hadir sebagai tetamu kehormat pada sambutan Aidilfitri UNIMAS tahun ini ialah Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak merangkap Canselor UNIMAS, Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud dan Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datuk Patinggi Hajjah Raghad Kurdi Taib.



22 Julai 2016: UNIMAS terpilih sebagai lokasi perkampungan sukan kepada 4,504 orang atlet sukan SUKMA Sarawak 2016 ke-18 dengan enam buah kolej dijadikan perkampungan atlet SUKMA antaranya Kolej Sakura, Kolej Allamanda, Kolej Cempaka, Kolej Dahlia, Kolej Bunga Raya dan Kolej Tun Ahmad Zaidi. Antara atlet sukan di perkampungan sukan UNIMAS termasuk tenpin boling, gimnastik berirama, wushu, skuasy dan golf akan tinggal di perkampungan sukan kecuali petanque. Majlis gimik penyerahan kunci penginapan kepada urus setia SUKMA ke-18 telah diadakan pada majlis perasmian Perkampungan Sukan SUKMA ke-18 UNIMAS.

OGOS 2016



3 Ogos 2016: Majlis Pelancaran dan Penyerahan Projek Mikro Hidro Kampung Pa'Ramapoh A & B, Bario, Miri, Sarawak telah dirasmikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri N78, Mulu, merangkap Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Sarawak, Datuk Gerawat Jala. Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) ini dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Tenaga Teknologi Hijau dan Air (KeTTHA) dan dilaksanakan oleh Pusat Tenaga Boleh Diperbaharui (CREN) dari Fakulti Kejuruteraan, UNIMAS. Objektif utama adalah untuk menjana elektrik secara percuma menggunakan kuasa hidro yang membolehkan penduduk Kampung tidak perlu lagi perlu menghidupkan Janakuasa Diesel yang memakan belanja besar dan hanya dapat beroperasi pada waktu terhad.

5 Ogos 2016: MoU di antara UNIMAS dan Kementerian Kebajikan, Wanita dan Kesejahteraan Komuniti (KKWKK) telah ditandatangani bertempat di Stadium Perpaduan Negeri Sarawak. MoU tersebut telah ditandatangani di antara Naib Canselor UNIMAS, Profesor Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi dan Setiuasaha Tetap KKWKK, Puan Megir Gumbek sambil disaksikan oleh Menteri KKWKK, Datuk Hajah Fatimah Abdullah dan Profesor Madya Dr Neilson Ilan Mersat. MoU berkenaan berkaitan kajian mengenai peranan wanita dalam sektor perkhidmatan awam.



5 Ogos 2016: UNIMAS menjalinkan kerjasama dengan Integrated Access Communication (IAC) Sdn Bhd dalam membangunkan Pusat Data di kampus bandar UNIMAS di Kuching. Majlis menandatangani MoU telah dilakukan di antara Naib Canselor UNIMAS, Profesor Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi dengan Pengerusi IAC, Datu Haji Mohammed Sepuan Anu. Pusat data itu juga akan berperanan sebagai 'Disaster Recovery Centre (DRC) untuk UNIMAS yang membolehkan Universiti ini mempunyai kritikal ICT yang tersedia dan kesinambungan perniagaan.



9 Ogos 2016 : Tiga pelajar dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) UNIMAS telah memenangi tempat kedua dalam pertandingan CIMB Data Science Challenger 2016 bertempat di Cyberjaya, Kuala Lumpur. Mereka terdiri daripada Chan Kok Yong, Lim Pei Zhen dan Song Shue Nee dan dibimbing oleh Dr Bong Chih How.



30 Ogos 2016: UNIMAS menjadi universiti pilihan Universiti Utsunomiya dari Jepun, untuk mengadakan kerjasama dalam pelbagai perkara antaranya program perkongsian ilmu dan program pertukaran pelajar. Profesor Ekologi Perhutanan dari Universiti Utsunomiya, Encik Tatsuhiro Ohkubo berkata pemilihan tersebut berdasarkan beberapa perkara iaitu penyediaan kursus pembelajaran di UNIMAS yang menarik, tenaga pengajar berkemahiran tinggi dan pelajar UNIMAS yang berkebolehan.

SEPTEMBER 2016



2 September 2016 : Seramai 3,275 orang bagi kemasukan sesi semester 2016-2017, telah melakukan ikrar pelajar sambil disaksikan oleh Pro Canselor UNIMAS, Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu anak Numpang, Pengerusi Lembaga Pengarah UNIMAS, Datu Dr Hatta Solhi, Naib Canselor UNIMAS, Profesor Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi, Timbalan-timbalan Naib Canselor, Dekan-dekan, Pengarah-pengarah, Pegawai-pegawai dan kakitangan UNIMAS lain.



5 September 2016: Kolej Allamanda UNIMAS mengekalkan kejuaraan kali ketiga berturut-turut selepas berjaya mempertahankan Piala Kenyalang di dalam Malam Rumpun Budaya (MRB). Malam Rumpun Budaya (MRB) adalah salah satu majlis sinonim yang dijalankan sempena Minggu Aluan Pelajar, Universiti Malaysia Sarawak.



11 September 2016: UNIMAS mencipta sejarah tersendiri apabila turut serta dalam program World#Quran Hour yang diadakan hari ini bertempat di Pusat Islam Tun Abang Sallahuddin (PITAS) UNIMAS. World#Quran Hour juga adalah merupakan satu kempen kesatuan umat islam sedunia yang bertujuan memupuk kesedaran memahami intipati Al-Quran dan menjadikannya rujukan kehidupan, dan sumber transformasi minda progresif, jiwa sihat dan akhlaq terpuji.



26 September 2016 : Majlis makan malam kebudayaan telah diadakan sempena dengan Majlis Sukan Varsiti Tahunan Thailand-Malaysia 2016 yang berlangsung selama empat hari bermula 23 September lepas. Antara sukan yang diadakan seperti bola jarring, sepak takraw dan badminton.

OKTOBER 2016



7 Oktober 2016 : Ikon dan selebriti tanah air terkenal, Datuk Aznil Haji Nawawi memberi ceramah motivasi kepada pelajar UNIMAS di Dewan Arena Gemilang (DeTAR PUTRA) UNIMAS. Ceramah Motivasi *There Is No Limit To Success* itu berlangsung selama dua jam anjuran Kelab Pembimbing Rakan Siswa UNIMAS (Kelab PRSU) dengan kerjasama pihak Unit Kaunseling dan Kebajikan Pelajar (UniK), Pusat Khidmat Pelajar (PKP), Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni (PHEPA), UNIMAS.



14 Oktober 2016 : Badan Budaya UNIMAS (BAYU) merangkul tempat ketiga secara keseluruhan dalam Pertandingan Tarian Sedunia Cheonan di Korea pada 26 September sehingga 4 Oktober lepas. Dua tarian dipertaruhkan untuk peringkat separuh akhir iaitu tarian temuk (etnik Malanau) dan tarian Alak Songai Ke Ung (etnik Orang Ulu).



15 Oktober 2016 : seramai 247 peserta telah menyertai Seminar Pakar Kaunseling Antarabangsa 2016 (ProCoun16). Majlis tersebut merupakan anjuran Persatuan Kaunseling Malaysia Antarabangsa (PERKAMA International) dengan kerjasama Unit Kaunseling dan Kebajikan Pelajar (UniK), Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Bahagian Pengurusan Psikologi

Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA), Mental Health Association of Sarawak (MHAS) dan Persatuan Pegawai Psikologi Awam Malaysia (PsiPA)



26 Oktober 2016: Lebih lima ratus peserta telah menyertai UNIMAS STEM EnCon2016 Antarabangsa yang merupakan anjuran bersama UNIMAS, TEGAS dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak. Bertemakan “Innovative Solutions for Engineering Technology Challenges”, persidangan ini dilihat selari dengan visi dan misi Kementerian Pendidikan Malaysia, kerajaan pusat dan kerajaan tempatan untuk menggalakkan keterlibatan badan kerajaan dan agensi swasta di Malaysia untuk berganding bahu dengan penyelidik, jurutera dan pemain industri dari seluruh dunia untuk sama-sama terlibat dalam memupuk budaya rekacipta dan inovasi di dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan demi pembangunan negara.



27 Oktober 2016: Majlis Syarahan Perdana ‘Transformasi Perkhidmatan Awam: Analisis dan Cabaran’ oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal telah diadakan. Syarahan Perdana tersebut diangkat menjadi wacana intelektual dalam gapura keilmuan untuk direnungi dan diamati sebagai terjemahan pemikiran dan paradigma Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Ke-21 ini. Syarahan Perdana kali ke-4 ini merupakan kerjasama di antara Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), Pejabat Setiausaha Persekutuan Sarawak dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

NOVEMBER 2016



1 November 2016: Dua belas pelajar terpilih untuk menerajui Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UNIMAS Sesi 2016/2017 dan majlis angkat sumpah MPP baharu telah berlangsung di hadapan Naib Canselor UNIMAS, Profesor Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi, Timbalan-timbalan Naib Canselor, Dekan-dekan fakulti, Pegawai-pegawai UNIMAS dan kakitangan universiti di Rumah Universiti.



3 November 2016 : UNIMAS telah mengadakan program Syarahan Perdana '*CEO@Faculty Programme*' (CFP) oleh Pengarah Urusan Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB), Datuk Badlisham Ghazali, dengan syarahan bertajuk "*CEO Past Experience and Challenges*". CFP telah dilancarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM) (PT) pada 7 April 2015.



9 November 2016: UNIMAS menerima sumbangan sebanyak RM50,000 daripada Badan Amal Dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri (BAKTI) menerusi Geran Derma Pelajar Universiti BAKTI. Sumbangan terbabit disampaikan Presiden BAKTI, Datin Seri Rosmah Mansor kepada Naib Canselor UNIMAS, Prof Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi. Sumbangan tersebut bertujuan untuk membantu pelajar daripada keluarga kurang berkemampuan supaya dapat mencapai taraf pembelajaran lebih baik.



10 November 2016: Persidangan akhbar berhubung Majlis konvokesyen Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) Ke-20 tahun ini telah berlangsung dengan dihadiri oleh Naib Canselor UNIMAS, Profesor Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi, Timbalan-timbalan Naib Canselor, Pendaftar, Ketua-ketua Bahagian UNIMAS dan pengamal media di bandaraya ini.



14-17 November 2016: Majlis Konvokesyen UNIMAS Ke-20 mencatat sejarah baru apabila melahirkan graduan teramai iaitu seramai 4,275 yang telah menerima ijazah dalam majlis konvokesyen kali ini. Seramai 3,871 graduan menerima Ijazah Sarjana Muda, 337 penerima Ijazah Sarjana dan 67 penerima Doktor Falsafah (PhD) yang diadakan dalam empat siding. Pengiystiharan majlis konvokesyen disempurnakan Canselor UNIMAS, Yang di-Pertua Negeri Tun Abdul Taib Mahmud.

DISEMBER 2016



1 Disember 2016: Seramai 1,200 orang pelajar yang mengikuti kursus kokurikulum bercredit (PPD1032) tidak melepaskan peluang menyertai larian amal belon sempena dengan Karnival Hari Ko-Q UNIMAS 2016. Objektif karnival tersebut adalah untuk

meraikan semua pelajar yang mengikuti kursus PPD1032 semester 1 sesi 2016/2017 manakala larian amal belon pula bertujuan untuk mengumpul sejumlah wang yang akan disalurkan kepada Tabung Kebajikan Pelajar UNIMAS.



8 Disember 2016: Mahasiswa Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia, Pusat Pembelajaran UNIMAS, Kuala Lumpur telah menganjurkan Program UNIMAS : *'We Care We Spread The Love 2016'* bertempat di Sekolah Pelangi Kasih, Taman Selayang Baru, Batu Caves. Objektif program adalah untuk menceriakan kanak-kanak di sekolah berkenaan terutama melibatkan 70 orang anak-anak pelarian Rohingya.



9 Disember 2016: Penghujung tahun 2016 membawa tuah kepada para penyelidik UNIMAS apabila lapan daripada sembilan produk penyelidikan memenangi pingat dalam Seoul International Invention Fair (SIIF) 2016. Dalam sidang media yang diadakan, Naib Canselor UNIMAS, Profesor Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi memberitahu empat produk penyelidikan UNIMAS mendapat pingat emas, dua pingat perak, satu gangsa dan satu lagi menerima sijil penyertaan.



23 Disember 2016 : Buku terbitan UNIMAS Publisher bertajuk ‘Sediment in Open Storm Sewer and its Removal’ telah berjaya menjulang Anugerah Buku Sains dan Teknologi Terbaik 2016 di Majlis Anugerah Buku Negara. Buku tersebut merupakan nukilan Pensyarah dari Fakulti Kejuruteraan, Dr Charles Bong Hin Joo.



23 Disember 2016: Timbalan Dekan, Prasiswazah dan Pemajuan Pelajar, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) UNIMAS, Dr Musdi Haji Shanat memenangi hadiah naib johan dalam pertandingan Cabaran Inovasi Inklusif (I²) 2016 untuk Zon Sarawak dan Sabah. Berbekalkan produk inovasi beliau bertajuk ‘Multi-purpose Survival Kits’, Dr Musdi telah membawa pulang hadiah berupa wang tunai sebanyak RM3000, sijil dan piala.